



BANTU: Serahan bakul makanan kering kepada pelajar non residen yang dilawati.

PNRF UMS santuni pelajar non residen

UB 10.08.2023 P.08

KOTA KINABALU: Pusat Pengurusan Non Residen dan Fasiliti Perumahan Pelajar (PNRF) dengan kerjasama pihak SUKSIS UMS serta wakil dari JAKMAS NR, UMS mengambil inisiatif mengadakan Program 'Bah Jom Ronda' di sekitar kawasan Kingfisher, baru-baru ini.

Program sehari itu melibatkan tujuh rumah sewa yang diduduki oleh pelajar NR UMS.

Pengarah PNRF, Hasmi Hashim, berkata program

itu bertujuan menyantuni pelajar non residen di rumah sewa sekitar zon Kingfisher dan meningkatkan lagi kepentingan dan kesedaran berkaitan keselamatan di kalangan pelajar.

"Program ini merupakan julung kali dilaksanakan oleh PNRF," katanya.

Hasmi turut berterima kasih kepada ASP Selvester Sopitang mewakili SUKSIS dan PDRM serta JAKMAS NR yang bersama-sama menjayakan program berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Raman Noordin berharap agar program seperti itu akan diteruskan pada masa akan datang.

Pada program itu turut diadakan serahan bakul makanan kering untuk diberikan kepada semua pelajar non residen yang dilawati.

Turut hadir Naib YDP JAKMAS, Nur Fathin Abdul Razak dan beberapa kakitangan PNRF.